

HASIL SEWA TANAH DAN BANGUNAN

Kementerian Pertahanan

Perkara Utama

- | | |
|--|---|
| Apa yang diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Hasil sewa tanah dan bangunan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF). |
| Mengapa ia penting untuk diaudit? | <ul style="list-style-type: none">• Menentukan sama ada hasil sewa yang dikutip mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta diakaunkan sewajarnya. |
| Apa yang ditemui Audit? | <ul style="list-style-type: none">• Penemuan Audit adalah seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">- hasil sewa sejumlah RM10.30 juta gagal dikutip;- hasil sewa berjumlah RM178,658 tidak dikreditkan sebagai hasil Kerajaan; dan- wang cagaran berjumlah RM105,271 tidak dikutip. |
| Syor Audit | <ul style="list-style-type: none">• Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">- menyusul dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk mendapatkan kelulusan sewa tanah dan bangunan kegunaan MINDEF bagi membolehkan proses penyediaan perjanjian sewa semua premis yang diduduki oleh Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) disegerakan. MINDEF perlu memastikan hasil sewa yang sepatutnya dikutip dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan sewajarnya;- Bahagian Pembangunan MINDEF hendaklah membuat pemantauan terhadap semua perjanjian sewaan yang diuruskan oleh Markas Pemerintahan Perkhidmatan bagi memastikan semua kutipan sewaan yang sepatutnya diakaunkan sebagai hasil Kerajaan; dan |

- memastikan perjanjian sewaan seragam dan mempunyai klausa berkaitan wang cagaran seperti yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan. Selain itu, MINDEF juga perlu mengutip wang cagaran sewa sebagaimana dalam perjanjian bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.